

Sumber air bersih perlu diurus secara mapan

B.H. M/S 10 23. 4. 07

Oleh Shaarani Ismail

NEGARA kita amat bertuah kerana dianugerahkan kekayaan sumber air bersih mencukupi dan tidak tergolong dalam negara yang dilanda krisis sumber air bersih seperti dialami beberapa negara di Afrika dan Asia Barat.


Bagaimanapun, tahap kesedaran rakyat terhadap kepentingan menjaga sumber air bersih perlu dipertingkatkan. Meskipun negara kita masih kaya dengan sumber air, jika tiada pengurusan air mapan, bekalan air bersih dalam negara mungkin berkurangan sedikit demi sedikit.

Tahun lalu saja, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengumumkan daripada 189 lembangan sungai utama yang ada di negara ini, 16 daripadanya dikategorikan sebagai tercemar dan tidak boleh digunakan untuk kegunaan harian.

Ini bermakna negara perlu melakukan sesuatu bagi mengekang dan memastikan sungai yang ada tidak terus dicemari seterusnya mengurangkan sumber air bersih dalam negara.

Meskipun negara menerima kadar hujan sekitar 3,000 milimeter setahun dan jumlah kegunaan air bersih dalam negara masih jauh lebih rendah kerana mempunyai sumber air bersih yang banyak, kelebihan itu tidak seharusnya menjadi kayu ukur untuk kita tidak membuat sebarang persediaan.

Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mahu setiap projek pembangunan baru menyediakan tangki tadahan hujan dilihat sebagai satu kesungguhan menyemaikan budaya menjimatkan penggunaan air di kalangan masyarakat.



HILANG KEJERNIHAN: Sungai yang tercemar akan mengurangkan sumber air bersih untuk kegunaan rakyat pada masa depan.

Ketua Pengarah JPS, Datuk Keizrul Abdullah, ketika merasmikan Seminar Hari Air Sedunia di Kuala Terengganu baru-baru ini turut menyentuh kepentingan dan keperluan dalam memastikan khazanah sumber air bersih negara diuruskan secara mapan.

Bertemakan 'Menangani Masalah Kekurangan Air' yang melanda kebanyakan negara maju dan negara membangun berikutan perubahan cara hidup dan kemajuan, menyebabkan sumber air bersih semakin dicemari hingga memberi kesan kepada kekurangan sumbernya.

Keizrul memberi contoh fenomena El-Nino yang pernah melanda negara sekitar 1978, 1987, 1991 dan 1998 membawa kepada krisis air agak serius di beberapa negeri di Malaysia dan memerlukan langkah melindungi sumber dan memberikan kesedaran secara berterusan kepada masyarakat.

Namun, sanggupkah kita berdepan dengan masalah air yang terpaksa dicatu hingga menimbulkan kegusaran dan rasa tidak selesa gara-gara masalah itu?

"Jika tidak dilindungi sumber air bersih yang ada ketika ini termasuk tidak mengawal pencemaran baik secara fizikal mahupun organik, sukar bagi generasi akan datang untuk mengekalkan sumber air bersih dalam negara.

"Rata-rata daripada kita hanya akan sedar betapa penting kita menghargai sesuatu sumber hanya selepas kita kehilangannya," katanya.

Dari sudut penggunaan air secara global, sektor pertanian dalam negara masih diklasifikasikan sebagai pengguna air tertinggi berbanding sektor lain seperti in-

dustri dan domestik. Dengan anggaran penggunaan sekitar 80 peratus daripada keseluruhan penggunaan air dalam negara, dapat dibayangkan bagaimana kesan sektor pertanian jika negara berdepan krisis air tidak dijangka yang mampu melumpuhkan ekonomi negara.

Purata penggunaan air bersih oleh masyarakat di negara ini juga sudah semakin bertambah disebabkan kemajuan yang dicapai negara. Dengan jumlah penduduk semakin meningkat, jumlah penggunaan air di kalangan penduduk juga menjadi semakin bertambah.

Masyarakat di desa dan pedalaman misalnya menggunakan sekitar 150 liter air sehari berbanding sekitar 345 liter sehari yang digunakan penduduk sekitar Lembah Klang.

Keizrul berkata, ada beberapa persoalan yang boleh difikirkan dalam melaksanakan pengurusan sumber air yang lebih mapan. Justeru katanya, banyak perkara harus dilakukan yang kebanyakan perlu bertunjangan kepada kesedaran masyarakat secara keseluruhannya.

Kemusnahan dan penebangan hutan secara tidak terkawal menyebabkan pencemaran kelodak yang boleh mengganggu pengaliran air bersih seperti berlaku di Lojing, Gua Musang baru-baru ini yang seharusnya dijadikan iktibar.

Paling penting, asas kepada sumber air bersih iaitu warisan hutan dan alam semula jadi perlu dilindungi dan dipulihara supaya ia dapat dikekalkan seterusnya diwarisi generasi akan datang.

Sanggupkah kita meminum air kumbahan dirawat yang sudah berkali-kali keluar daripada badan yang dikitar semula sebagai alternatif menggantikan kehilangan sumber air bersih semula jadi yang hilang dan musnah angkara manusia sendiri?